

# Rimas sikap ibu

Siswa tertekan tidak bebas serta dikongkong



## KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

**?** Saya siswa di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Usia saya baru saja mencecah 20 tahun dan berasal dari sebuah daerah selatan tanah air.

Saya memilih IPTA ini kerana tertarik dengan bidang pengajian ditawarkan. Saya seronok belajar di universiti dan berharap dapat melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Tapi saya menghadapi masalah kerana mempunyai seorang ibu yang sangat menjaga diri saya. Saya menghargai sikap ambil berat ibu, tetapi pada waktu yang sama berasa sangat rimas.

Kadang-kadang sikap ibu membuatkan saya tertekan dan berasa tidak bebas. Sifat ibu yang terlalu ambil berat membuatkan saya rasa sangat terkongkong.

Baru-baru ini saya di-pilih menyandang satu jawatankuasa pelajar dan sudah pasti ibu tidak membenarkan saya menyertainya.

Pada saya ini satu peluang yang baik untuk mempertingkatkan kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi dan bercakap di depan orang ramai.

Saya sudah puas cuba untuk meyakinkan ibu bahawa saya mampu menggalas jawatan ini dan menumpukan perhatian pada pelajaran. Malangnya ibu membangkang dan tidak percaya.

Apa yang harus saya lakukan untuk meyakinkan ibu? Dalam masa sama saya perlu menjaga hati dan perasaan ibu yang sudah berjasa melahirkan dan membesarkan saya.

**INSAN BINGUNG,**  
Kuala Lumpur

**!** Tahmiah kerana melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Sesungguhnya menuntut

ilmu amat diruntut dalam agama.

Kata-kata pujangga iaitu 'ilmu bermula bukan ketika kelas dimulakan atau ketika helaian buku mula diselak, tetapi saat rasa hati ingin untuk belajar'. (Abu Bakar)

Imam Syafie juga berkata: "Jika kamu inginkan dunia hendaklah dengan ilmu, jika kamu inginkan akhirat hendaklah dengan ilmu dan jika kamu inginkan keduanya juga hendaklah dengan ilmu."

Luahan itu menunjukkan ibu mempunyai sisi pemikiran yang berbeza dengan kasih sayang ditunjukkan dalam bentuk mengambil berat yang menjerat diri adik.

Bentuk kasih sayang yang ditunjukkan ibu ialah dengan mengongkong pergerakan sehingga membabitkan kebebasan untuk menyertai aktiviti di tempat adik belajar.

Sebenarnya menyertai aktiviti di universiti semangannya mempunyai kebaikan. Ia menambah kemahiran sosial di samping

melatih diri menjadi seorang pelajar yang mempunyai nilai kepimpinan dan berwibawa.

Ia juga ke arah memenuhi kemahiran insaniah yang lain seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

Adik sudah mencuba untuk meyakinkan ibu yang adik mampu untuk menggalas jawatan dalam persatuan dan tidak mengetepikan tanggungjawab belajar. Ia satu usaha yang baik.

Selain meyakinkan ibu, adik boleh mengimbangi tuntutan belajar dan berpersatuan. Cuma yang penting ialah dengan membuktikannya. Contohnya mendapatkan markah yang baik dalam kerja berkaitan subjek diambil.

Adik juga boleh menunjukkan bukti bahawa ramai individu berjaya sekarang adalah seorang bekas pemimpin siswa yang berjaya dan aktif sewaktu mereka menuntut dulu.

# Tidak mesra dengan adik

**?** Saya siswa berasal dari sebuah keluarga sederhana. Saya mempunyai lima adik beradik iaitu dua lelaki dan tiga perempuan. Kedua-dua ibu bapa saya bekerja di sektor kerajaan.

Namun, saya menghadapi masalah perhubungan dengan seorang adik. Perhubungan kami tidak mesra seperti sebelum ini.

Dulu, kami sering bergurau dan selalu menghubungi antara satu sama lain. Waktu itu saya belajar di universiti dan dia masih di tingkatan enam.

Apabila dia belajar di universiti sikapnya berubah. Hubungan kami renggang dan dia lebih rapat dengan kawannya.

Saya tidak boleh lagi bergurau dengannya. Lebih menyedihkan apabila dia selalu berkasar dengan saya. Kata-katanya juga kesat.

Untuk pengetahuan Dr, saya sangat sayangkan adik dan berusaha menjaganya dengan baik. Namun, saya sedih jika dia terus dengan sikap sedemikian. Apakah yang perlu saya lakukan?

**ABANG PRIHATIN,**  
Kedah

**!** Anthony Brandt berkata: "Sesuatu boleh mengubah kita, tapi kita mulai dan berakhir bersama keluarga kita."

Lee Iacocca pula berkata: "Satu-satunya batu yang tetap kukuh, satu-satunya institusi yang berfungsi hanyalah keluarga."

Kata-kata berkenaan jelas menunjukkan betapa pentingnya perhubungan keluarga dalam kehidupan manusia.

Perhubungan berubah mengikut masa dan keadaan. Ada yang bertukar menjadi lebih positif dan sebaliknya.

Begitu juga perasaan

kasih dan sayang berubah dan adakalanya dimanifestasi dalam cara berbeza. Contohnya perasaan sa yang ditunjukkan dalam konotasi dan bentuk berbeza.

Perhubungan adik juga berubah apabila dia memasuki universiti. Perubahan masa dan tempat membuatkan dia berubah sikap. Ini tidak bermakna dia tidak lagi menyayangi adik.

Apa yang berlaku ialah dia melihat perhubungan dengan adik dari perspektif yang lain. Apabila ini berlaku, dia tidak lagi dapat menjalin hubungan dengan adik seperti sebelum ini. Dia menjadi kasar dan kata-katanya juga kesat.

Perhubungan adik dengan dia diuji. Adik boleh melalui ujian perhubungan ini dengan kebijaksanaan dan kematangan sebagai seorang abang.

Kaji faktor yang menyebabkan perubahan sikapnya. Transisi dari alam sekolah ke alam universiti serta perubahan kawan sebaya juga antara faktor yang memungkinkan perubahan dirinya.

Dekatilah dirinya. Elakkan daripada bersifat menghukum dan menerima dirinya dengan seadanya.

Jika adik berterusan menerimanya dengan seadanya dan berusaha untuk mengeratkan hubungan ini, peluang menjadi abang yang sentiasa memelihara perhubungan adalah tinggi.

Dr ucapkan semoga adik kuat untuk melalui saat sukar menguji hubungan kekeluargaan ini. Dr harap adik berjaya mengatasinya kerana keluarga adalah 'kompas' yang memandu (arah) kita. Ia adalah inspirasi untuk mencapai puncak, yang menghibur saat kita goyah.

